

KEJOHANAN PENCAK SILAT SEDUNIA

Enam pesilat negara ke separuh akhir



TUNJUK PENGALAMAN: Bekas juara dunia 2012, Muhammad Shakir (*kanan*) menggunakan pengalaman menepis serangan Raksaphon untuk menewaskan lawannya dari Thailand itu 5-0.

► ISMAIL ALI
ismail@sph.com.sg

PASUKAN pesilat Team Singapore menghampiri impian mencapai sasaran memenangi pingat emas dan gelaran dunia apabila enam pendekar negara mara ke separuh akhir Kejohanan Pencak Silat Sedunia ke-17 di Bali, Indonesia, semalam.

Tiga pesilat penerima biasiswa Spex – Muhammad Shakir Juanda, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin dan Muhammad Nur Alfian Juma'en – mara ke separuh akhir kejohanan silat paling berprestij dan utama yang disertai 41 negara itu dalam perlawanan lewat semalam.

Bekas juara dunia 2012, Muhammad Shakir, tidak menghadapi masalah mengatasi pesilat Thailand, Khathahat Raksaphon 5-0 selepas berlejang melepasi pusingan awal apabila penyertaan lawannya dari Ukraine dibatalkan kerana terkurang timbangan.

Juara dunia Sheik Farhan pula dengan yakin mengatasi Morgunovskii Danil dari Russia 5-0 dalam pusingan awal sebelum menewaskan Patrick Varjo Moldenhau dari Jerman dengan keputusan serupa.

Pemenang pingat emas Sukan SEA Muhammad Nur Alfian Juma'en pula memulakan perlawanannya dengan mengatasi Muhammad Robial Sobri dari Malaysia 5-0.

Turut mara ke separuh akhir ialah Abdul Raaziq Abdul Rashid, Muhammad Ridhwan Selamat dan Nur Hanishah Shahrudin.

Bagaimanapun, juara Terbuka Belanda, Nurul Suhaila Mohd Saiful, tewas di tangan pesilat Indonesia Selly Andriani semalam.

Mengulas persembahan pesilat negara, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persisi, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, yang turut bertin-

dak sebagai ketua jurulatih pasukan, berkata:

"Dalam acara tanding, kami menunjukkan persembahan yang baik kecuali Nur Hakim Norshamsuddin yang gagal mengawal pernafasan dan berdepan lawan lebih handal apabila tewas dalam pusingan awal.

"Secara keseluruhan, undian perlawanan adalah baik dan berpihak kepada Team Singapore.

"Pesilat negara turut memberikan persembahan memberangsangkan dalam pusingan kedua seperti Muhammad Ridhwan Selamat yang mengalahkan Wan Ah-

mad Rasfan dari Malaysia Malaysia 5-0.

"Malangnya, Nur Abdul Ghani dan Nurul Shafiq Mohd Saiful terkandas, mungkin kerana berdepan lawan lebih baik."

Mengulas persembahannya, Muhammad Shakir, yang menetapkan matlamat merebut semula gelaran juara dunia kali ini, berkata: "Saya bersyukur dapat menewaskan atlit dari Thailand. Walau pun beliau terus menerus menyerang, saya tetap fokus dan berjaya mengatasinya."



GAGAL TERUSKAN LANGKAH KEMENANGAN:

Nurul Suhaila (*kanan*) diisytihar pemenang ke atas pesilat Australia Casey Keogh dalam pusingan awal tetapi tewas di tangan pesilat Indonesia Selly Andriani semalam. – Foto-foto PERSISI